

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



EDISI

26

ISSN 1823-6421

USAHAWAN YANG BERJAYA DI JEPUN

Suzila Mat Salleh^{1*}, Noor Hafiza Mohamed¹, Siti Fatimah Mardiah Hamzah¹, Noor Malinjasari Ali¹, Hani Sakina Mohamad Yusof¹ dan Wan Zuhaila Wan Abd Rahman¹

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

*Koresponden : suzilamsalleh@uitm.edu.my

Usahawan yang berjaya ialah usahawan yang tidak jemu mengharungi susah payah serta berusaha sedaya upaya untuk meningkatkan perniagaannya. Jatuh bangun sesuatu perniagaan itu adalah cerminan kecekalan seseorang usahawan dalam usaha meraih kejayaan. Liku-liku kejayaan seseorang usahawan pastinya melalui jalan kesusahan, putus asa dan kepayahan yang sukar digambarkan oleh kata-kata. Namun, cabaran ini tidak menghentikan usaha sehinggalah diri mereka bergelar usahawan berjaya. Di sini penulis ingin kongsi beberapa usahawan yang berjaya di Jepun pada 2022.



1. Tadashi Yanai : Perolehan kekayaan ialah \$28.9 billion.

Tadashi Yanai dilahirkan pada 7 Februari 1949 di Ube, Yamaguchi. Beliau berkelulusan Ijazah dari Universiti Waseda dalam bidang Ekonomi dan Sains Politik. Perniagaan yang diusahakan adalah peruncitan pakaian yang diwarisi dari bapanya dan berkembang sebagai salah satu peruncit pakaian terbesar di Asia. Selain berkedudukan di tangga ke 40 senarai terkaya dunia oleh Bloomberg Billionaires Index, beliau juga tersenarai sebagai individu terkaya di Jepun pada 2021, dan pernah dianugerahkan International Retailer of Year award. Beliau merupakan pengerusi dan pemegang saham terbesar perniagaan pakaian fast fashion di Asia. Jenama Uniqlo keluaran syarikatnya telah menjengah ke serata tempat, dan cukup dikenali terutama di Asia. Tidak hairanlah beliau digelar sebagai The Man Who Clothes Asia. Kini di usia 73 tahun, beliau masih lagi aktif dalam perniagaan dan memegang jawatan Pengerusi dan Presiden kepada syarikat multinasional Fast Retailing.



2. Masayoshi Son: Perolehan kekayaan ialah \$23 billion.

Masayoshi Son atau nama sebenarnya Yasumoto Masayoshi, dilahirkan pada 11 Ogos 1957 di Kyushu, Jepun dan kini berusia 65 tahun. Berketurunan Korea, beliau merupakan generasi ketiga dari Korea dengan kerakyatan Jepun. Masayoshi Son mendapat pendidikan di Amerika Syarikat dan kembali ke Jepun setelah menamatkan pengajian dalam bidang ekonomi. Kini beliau merupakan pengasas dan pemegang terbesar saham SoftBank, CEO SoftBank Mobile, pengerusi UK-based Arm Holdings dan Alibaba Group.. Beliau beradadi kedudukan ke 57 terkaya di dunia dalam senarai The Real-Time Billionaires List. Namanya mula disenaraikan sebagai jutawan bermula 2013.





3.Takemitsu Takizaki: Perolehan kekayaan ialah \$21.1 billion.

Takemitsu Takizaki dilahirkan pada 10 Jun 1945 dan berkelulusan dari Amagasaki Industry High School. Beliau merupakan pengasas Keyence iaitu pembekal sensor dan komponen elektronik sistem automasi kilang. Pelanggan beliau termasuklah pembuat alat ganti kenderaan, firma elektronik dan pembungkus makanan. Kini beliau berusia 77 tahun dan tinggal di Osaka, Jepun. Beliau disenaraikan di tempat ke 57 terkaya di dunia oleh Bloomberg Billionaires Index dan ke 58 dalam The Real-Time Billionaires List.



4.Takahisa Takahara: Perolehan kekayaan ialah \$5.81 billion.

Beliau dilahirkan pada 12 Julai 1961, dan merupakan anak pertama kepada keluarga pengasas diaper Unicharm, Keiichiro Takahara, yang mengeluarkan jenama Moony dan MamyPoko. Mewarisi perniagaan yang diasaskan oleh ayahnya sendiri, syarikatnya yang beroperasi di Tokyo kini menjadi pengeluar utama lampin pakai buang bayi dan produk penjagaan wanita. Meraih pendapatan sebanyak \$7.1 bilion pada 2021, produknya keluaran syarikatnya kini telah dijual di 80 negara di dunia. Dengan perolehan kekayaan sebanyak \$5.81 billion sehingga November, 2022, beliau berada di kedudukan 387 terkaya di dunia. Selain lampin pakai buang dan barangan penjagaan wanita, syarikatnya turut mengeluarkan pelitup muka, tisu berasaskan alkohol dan barangan penjagaan diri yang lain.



5.Shigenobu Nagamori: Perolehan kekayaan ialah \$4.3 billion.

Shigenobu Nagamori dilahirkan pada 28 Ogos 1944 dan kini berusia 78 tahun. Berkelulusan ijazah kejuruteraan elektrik dari Universiti Politeknik, Tokyo, pada 1967 (dahulunya dikenali sebagai Institut Latihan Vokasional). Beliau merupakan pengasas Nidec, iaitu pengilang Mikromotor terbesar di dunia untuk pemacu cakera keras dan optik. Menubuhkan Nidec Corporation semasa beliau berusia 28 tahun, usahanya mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila beliau memenangi beberapa anugerah antaranya "Invention Implementation Achievement Award", dan "30 best CEO in the World". Beliau meletakkan sasaran untuk mencapai pendapatan bernilai \$91 billion atau bersamaan 10 trilion Yen pada 2022. The Real-Time Billionaires List menyenaraikan beliau di tempat ke 673 terkaya di dunia.

Semua usahawan yang dinamakan di atas merupakan usahawan yang paling berjaya di Jepun. Walau pun mereka kini telah mencapai cita-cita dan menjadi usahawan terkaya di Jepun, namun tiada kejayaan tanpa pengalaman melalui kepayahan dan kegagalan. Segala pengalaman inilah yang dijadikan panduan dalam mengharungi jatuh bangun dan usaha cekat seseorang yang bergelar usahawan berjaya.

Rujukan

[1] Lisa, B. Wealthiest People in Japan, (2022, September 22) (<https://ceoworld.biz/2022/09/30/wealthiest-people-in-japan-september-29-2022>)

[2] Takemitsu Takizaki, (2022, September 19) In Wikipedia, (https://en.wikipedia.org/wiki/Takemitsu_Takizaki)

[3] Takahisa Takahara, (2022, July 28), In Wikipedia, https://en.wikipedia.org/wiki/Takahisa_Takahara

[4] Shigenobu Nagamori, (2022, July 28), In Wikipedia, https://en.wikipedia.org/wiki/Shigenobu_Nagamori

[5] Masayoshi Son, (2022, October 12), In Wikipedia, https://en.wikipedia.org/wiki/Masayoshi_Son

[6] Tadashi Yanai, (2022, September 30), In Wikipedia, https://en.wikipedia.org/wiki/Tadashi_Yanai

[7] Bloomberg Billionaires Index, <https://www.bloomberg.com/billionaires/>

[8] Japan's 50 Richest People, Japan's 50 Richest List (forbes.com)